

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

ZSE 372/3 - Pengantar Oseanografi

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini. Jawab EMPAT soalan sahaja. Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

- 1.(a) Jelaskan perbezaan di antara pinggir benua jenis seismos dengan pinggir benua jenis takseismos. (60/100)
- (b) Kebanyakan pulau-pulau di Lautan Pasifik membentuk beberapa rantaian lurus dan selari antara satu dengan yang lain. Jelaskan proses yang bertanggungjawab kepada pembentukan rantaian ini. (40/100)
- 2.(a) Apakah yang dimaksudkan dengan edaran arus termohalin. Berikan beberapa contoh arus ini. (40/100)
- (b) Jelaskan penggunaan rajah T-S bagi mengkaji jisim air laut. (30/100)
- (c) Bincangkan mekanisma pembentukan mikrostruktur di dalam lautan. (30/100)
- 3.(a) Bagaimanakah kepekatan fosfat, nitrat dan silika berubah dengan kedalaman air laut? Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kepekatan bahan-bahan ini. (40/100)

- 2 -

- (b) Jelaskan maksud
- i kedalaman pampasan
 - ii kedalaman pampasan karbonat
 - iii luluhawa songsang
 - iv gilvin (bahan kuning)
- (60/100)
- 4.(a) Terangkan kenapa pengaruh matahari keatas pasang-surut bumi hanyalah 46% dibandingkan dengan pengaruh bulan.
- (20/100)
- (b) Jelaskan kenapa panjang hari lunar adalah 24 jam 50 minit masa suria.
- (20/100)
- (c) Jelaskan bagaimana pasang-surut anak dan pasang-surut purbani terjadi.
- (30/100)
- (d) Jelaskan bagaimana arus litoral terbentuk.
- (30/100)
5. Bincangkan jenis-jenis tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang terdapat di dalam laut dan lautan.
- (100/100)

- oooOooo -